




KERJA memasang semula memelan belanja RM130,000 ditanggung UNESCO.

TERATAK WARISAN HAJAH KUNDUR

Rumah berusia 114 tahun dipasang semula di Politeknik Port Dickson



Ciri asal Rumah Warisan Hajah Kundur berusia 114 tahun dikekalkan

HARIAN METRO HARIAN METRO

Mohd Khidir Zakaria
am@hmetro.com.my

Sekali pun berpindah ke lokasi baru, Rumah Warisan Hajah Kundur yang dipasang semula di Politeknik Port Dickson (PPD) masih mengekalkan ciri asalnya yang berusia 114 tahun. Rumah Warisan Hajah Kundur sebelum ini terletak di Kampung Rendah, Chembong di Rembau, dibina dan dipasang semula dalam kampus PPD, sekali gus berpotensi menjadi satu lagi hub pelancongan di daerah berkenaan. Teratak itu dibina pada 1902 oleh Hajah Kundur dan suaminya dikenali sebagai Tok Bidin bakal menjadi sejarah kepada pemenuh dan pengungap apatawa dibina kelak.

Melalui pembinaan semula rumah itu, ia mencetus fenomena buat PPD yang menjadi universiti awam (UA) kedua selepas Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang turut melakukan perkara sama beberapa tahun lalu.

Waris generasi kelima Hajah Kundur, Azian Ahmad berkata, hampir 100 peratus keashan rumah warisan itu

dikekalkan.

Katanya, dia sekeluarga beruja kerana dapat melihat rumah bersejarah ini tersergam di PPD.

"Moyang saya, Hajah Kundur Meen dan suaminya dikenali sebagai Tok Bidin adalah calon Undang Rendah satu ketika dulu."

"Terlalu banyak kenangan di rumah ini dan kami adik beradik sepakat akan persetujuan pemilik sekarang iaitu adik bongsu kami, Rosnah Ahmad, 30, untuk memasingkan kembali rumah ini sebagai kajian dan rujukan penuntut serta pelawat," katanya di sini, semalam.

Majlis perasmian diumpamakan Timbalan Menteri Pengajian Tinggi Datuk Mary Yag Kaon Ching.

Sementara itu, Pengarah PPD Meisi (IK) Mohd Kharif Mohd Ibrahim berkata, projek membuka dan memasang kembali rumah berkenaan menelan kos RM10,000 atas



WARIS Hajah Kundur mengabdikan kenangan bersama di hadapan Rumah Warisan Hajah Kundur di Politeknik Port Dickson, Negeri Sembilan

>>Projek membuka dan memasang kembali rumah berkenaan menelan kos RM130,000 atas sokongan UNESCO



AZIAN

sokongan Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO).
"Projek ini hasil penyediaan 18 pelajar dan enam penyarah urusan seni bina yang mengambil masa lima bulan sejak Oktober tahun lalu."
"Mereka memilih Rumah Warisan Hajah Kundur kerana memiliki ciri istimewa golongan bangsawan di negeri ini pada satu ketika dulu."
"Projek ini juga kerjasama pelbagai pihak antaranya Lembaga Museum Negeri Sembilan dan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINSI)," katanya.



PELAKSAR Kuala Khatulistiwa Seri Balinghian PPD bergambar di hadapan Rumah Warisan Hajah Kundur